

Kerajaan beri jaminan akan kaji kaedah terbaik kawal import sisa plastik

Malaysia bukan tong sampah dunia

Kes 1000 1/10/2018 15/10/18

KUALA LUMPUR – Kerajaan memberi jaminan bahawa Malaysia tidak akan menjadi 'tong sampah' dunia bagi pembuangan sisa plastik dari negara-negara maju berikutan tindakan China yang mengharamkan kemasukan sisa pepejal itu sejak Januari tahun ini.



NOOR AZMI



BEE YIN

Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, Yeo Bee Yin berkata, kerajaan telah memperkenalkan prosedur operasi standard (SOP) dengan kriteria baharu bagi permohonan Lesen

Import (AP) selain telah membatalkan sebanyak 114 AP sisa plastik secara serta-merta.

"Pengusaha-pengusaha perlu memohon semula (AP) mengikut SOP baharu untuk memastikan tiada berlaku pelanggaran peraturan.

"Kerajaan juga menubuhkan satu pasukan khas bagi mengkaji kaedah terbaik mengawal pengimportan sisa plastik," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri Sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan **Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali (Bebas-Bagan Serai)** yang ingin mengetahui tindakan Kementerian ke atas longgokan beribu tan sisa pepejal plastik yang datang dari negara maju



GAMBAR fail menunjukkan anggota-anggota penguat kuasa menyerbu kilang memproses plastik dalam satu operasi besar-besaran hasil pendedahan *Kosmo!* di Jenjarom, Banting pada 25 Julai lalu.



KERAJAAN akan mengetatkan peraturan bagi mengawal pengimportan sisa plastik di negara ini.



selepas China mengharamkan kemasukan sisa pepejal ke negara itu.

Bee Yin memberitahu, walaupun import sisa plastik telah diberhentikan tetapi kerajaan sedia maklum terlalu banyak sisa pepejal itu telah berada di tempat-tempat berbeza di Malaysia akibat pengimportan tanpa terkawal sejak Januari 2018.

"Kerajaan sedia mengambil tindakan keras terhadap pengusaha-pengusaha yang masih lagi mencuba nasib dan memproses sisa plastik ini secara haram dan kita akan membawa mereka ke mahkamah berdasarkan undang-undang sedia ada," ujarnya.

Menurut Bee Yin, kebanyakan negara Barat mengekspor sisa plastik ke negara-negara Asia lain termasuk Malaysia sejak China mengharamkan pengimportan sisa plastik ke negara itu berkuat kuasa pada Januari lalu.

Katanya, berdasarkan lapo-

Selangor diancam pencemaran kilang plastik

Kilang kitar semula plastik yang diimport dari negara-negara

KERATAN *Kosmo!* 23 Julai 2018.

Permit import sisa plastik dibeku serta-merta

Kilang-kilang kitar semula

KEMENTERIAN Perumahan dan Kerajaan Tempatan menghentikan pembebasan permit import AP sisa

KERATAN *Kosmo!* 25 Julai 2018.

ran British National Audit Office, Malaysia menjadi pengimport terbesar sisa plastik dari Britain dengan mengimport sebanyak 42,500 tan atau 17 peratus daripada 250,000 tan sisa plastik dari negara berkenaan untuk tempoh suku pertama tahun ini.

"Sebagai perbandingan dalam tempoh yang sama tahun lalu, sebanyak 40 peratus sisa plastik Britain diimport ke China. Jika China terus mengharamkan import sisa plastik, maka negara-negara maju akan terus mencari negara yang boleh menerimanya," jelas beliau.

Kosmo! pada 23 Julai lalu melaporkan hampir 300,000 penduduk di Kuala Langat, Selangor terutamanya di Telok Panglima Garang terdedah dengan risiko pelbagai jenis penyakit termasuk kanser apabila daerah itu dijadikan tempat longgokan plastik kitar semula dari serata dunia.

Susulan pendedahan itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membatalkan AP sisa plastik yang dikeluarkan kepada 114 syarikat dan kilang di seluruh negara bagi tempoh tiga bulan berkuat kuasa 23 Julai lalu.

INFO

Kronologi isu kilang kitar plastik

● 23 Julai 2018

Akhbar *Kosmo!* dalam laporan khasnya melaporkan daerah Kuala Langat, Selangor menjadi lokasi tumpuan operasi kilang mengitar semula plastik yang diimport mengakibatkan masalah pencemaran yang membahayakan kesihatan penduduk

● 24 Julai 2018

Berikutan pendedahan itu, akhbar *Kosmo!* melaporkan kerajaan bertindak mengarahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) menghentikan operasi semua kilang memproses sisa plastik di Kuala Langat bermula pada 23 Julai 2018

● 25 Julai 2018

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan turut menghentikan pengeluaran permit import sisa plastik kepada 114 syarikat dan kilang di seluruh negara untuk tempoh tiga bulan berkuat kuasa 24 Julai 2018

● 26 Julai 2018

Kerajaan Negeri Kedah mengarahkan Jabatan Alam Sekitar dan PBT mengambil tindakan menutup kilang mengitar semula sisa barang plastik yang dikesan beroperasi tanpa lesen dan melanggar prosedur operasi standard